



**PEJABAT KEWANGAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 7 OKTOBER 2020 (RABU)**

Sebut harga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi bekalan berikut:-

Bil	Butir-butir Tawaran	Harga Dokumen Tawaran	Kod Bidang	Pendaftaran/ Taklimat / Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Sebut Harga
1.	SEBUT HARGA PKwNS/SH/03/2020 Kerja-Kerja Naik Taraf Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Pejabat Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Tingkat 3, Blok C, Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan	RM50.00	Kategori B (Pembinaan Bangunan) CE 21 G1-B04	Tarikh : 12 Oktober 2020 (Isnin) Masa : 3.00 petang Tempat : Ruang Legar, Pejabat Perbendaharaan Negeri, Tingkat 3, Blok C, Wisma Negeri	19/10/2020 sebelum jam 12.00 tengahari (Dokumen yang dihantar lewat tidak akan dipertimbangkan)

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **8 Oktober 2020 (Khamis)** sehingga **19 Oktober 2019 (Isnin)** pada waktu pejabat di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan (Unit Kewangan Jabatan), Tingkat 5, Blok C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.

Kontraktor diwajibkan membawa sijil asal seperti Sijil Kementerian Kewangan & Sijil Taraf Bumiputera semasa menghadiri Taklimat & Lawatan Tapak. Hanya Penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri Lawatan Tapak atau Taklimat Sebut Harga dan Tidak Boleh Mewakilkkan Pegawai Selain Daripada penama yang dibenarkan dalam sijil. Sijil-sijil berkenaan mestilah masih sah laku tempohnya.

Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi kedua-dua sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat **Pejabat Kewangan Negeri Sembilan (Unit Kewangan Jabatan), Tingkat 5, Blok C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 19hb Oktober 2020 (Isnin)**. Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Laman Sesawang Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan (<http://pkwns.ns.gov.my>). Penyebutharga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh di antara satu (1) bulan hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebut harga. Bagi penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Laman sesawang PKwNS adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga tersebut.